



**PEKELILING
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK
BILANGAN 2 TAHUN 2025**

**DASAR LESEN PEMBAWA A
(UNTUK SEMUA JENIS KENDERAAN BARANGAN KECUALI KONTENA)**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak (selepas ini dikenali sebagai **“LPKP Sarawak”**) berkenaan penetapan dasar Lesen Pembawa A di Sarawak.

2. TAKRIFAN

Dalam pekeling ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain—

‘Lesen Pembawa A’ ditakrifkan sebagai kelas lesen yang membolehkan pemegangnya menggunakan kenderaan dibenarkan bagi membawa barangan untuk sewa atau upah bagi atau berhubungan dengan apa-apa perdagangan atau perniagaan yang dijalankan olehnya sebagai pembawa barangan;

‘Lesen Pembawa C’ ditakrifkan sebagai kelas lesen yang membolehkan pemegangnya menggunakan kenderaan dibenarkan bagi membawa barangan sendiri bagi atau berhubungan dengan apa-apa perdagangan atau perniagaan yang dijalankan olehnya, tetapi hendaklah menjadi suatu syarat lesen itu

bahawa tiada kenderaan yang pada masa itu suatu kenderaan dibenarkan akan digunakan bagi membawa barangan untuk sewa atau upah selain daripada barangan yang dijual dan diserahkan oleh pemegang lesen itu di bawah suatu kontrak jualan di mana suatu caj dibuat bagi penyerahhantaran barangan tersebut;

‘Penduduk Negeri’ ditakrifkan sebagai pemegang Kad Pengenalan Malaysia (MyKad) yang mempunyai indikator ‘K’;

‘Permohonan Semula’ sebagai permohonan memperbaharui lesen yang dibuat selepas tarikh akhir tempoh sah laku lesen; dan

‘Lesen Perubahan Sementara (LPS)’ ditakrifkan sebagai kelulusan permohonan pengubahan lesen atau syaratnya di bawah Seksyen 22, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [Akta 334] berhubung kawasan operasi.

3. DESKRIPSI PERKHIDMATAN LESEN PEMBAWA A

- 3.1. Lesen Pembawa A membolehkan pemegangnya menggunakan kenderaan dibenarkan bagi membawa barangan untuk sewa atau upah bagi atau apa-apa perdagangan atau perniagaan yang dijalankan olehnya sebagai pembawa barangan.
- 3.2. Kawasan operasi Lesen Pembawa A adalah seluruh Sarawak kecuali kenderaan yang membawa arang batu dan kayu balak sahaja dibenarkan beroperasi mengikut Bahagian atau Daerah yang diluluskan oleh Lembaga.
- 3.3. Lesen Pembawa A adalah tertakluk kepada apa-apa arahan atau apa-apa peruntukan perundangan yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

- 3.4. Pembinaan dan penggunaan kenderaan barangan hendaklah mengikut Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 [LN170/1959].

4. KETETAPAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN BAHARU LESEN PEMBAWA A

- 4.1. Pemberian lesen adalah secara terbuka kepada perniagaan Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Syarikat Sendirian Berhad, Syarikat Berhad, Pertubuhan, Koperasi, Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Link Company*).
- 4.2. Tiada had bilangan lesen bagi Syarikat Sendirian Berhad, Syarikat Berhad, Pertubuhan, Koperasi, Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Link Company*).
- 4.3. Perniagaan Pemilikan Tunggal dan Perkongsian hanya dibenarkan untuk memiliki 10 lesen kenderaan barangan (termasuk Lesen Pembawa A dan Lesen Pembawa C). Untuk tujuan kejelasan, padanan 1 Penggerak Utama dan Semi Trailer adalah dikira sebagai 1 kenderaan barangan.
- 4.4. Nisbah penetapan lesen bagi Penggerak Utama dan Semi Trailer adalah 1:1.
- 4.5. Pendaftaran perniagaan perlu mempunyai bidang pengangkutan, logistik, gudang, *forwarding*, penghantaran kurier, dan / atau kawalan keselamatan.
- 4.6. Sekurang-kurangnya 51% pemilikan ekuiti penduduk negeri. Namun begitu, pengecualian pemilikan ekuiti penduduk negeri diberikan kepada —
- (a) *Public Listed Company* yang beroperasi di Sarawak tanpa pemilikan ekuiti penduduk negeri dengan syarat syarikat induk

berdaftar dan beralamat di Sarawak serta mempunyai majoriti ahli lembaga tempatan;

(b) Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Link Company*); dan

(c) Syarikat kawalan keselamatan dan syarikat penghantaran kurier.

4.7. Modal terkumpul atau pusingan (operasi) sekurang-kurangnya 30% daripada harga kenderaan baharu atau terpakai

4.8. Modal berbayar Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Berhad tidak kurang daripada RM100,000.00 untuk memiliki 100 lesen dan ke bawah dan RM250,000.00 untuk memiliki 101 lesen dan ke atas.

4.9. Tempoh sah laku lesen adalah selama 5 tahun.

4.10. Tempat letak kenderaan perdagangan (depoh) adalah mencukupi dan sesuai mengikut bilangan kenderaan yang dimohon dan disahkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Depoh perlu disediakan mengikut lokasi kontrak pengangkutan bagi projek jangka panjang.

4.11. Bebas saman daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

4.12. Dokumen sokongan untuk membuktikan terdapat langganan untuk perkhidmatan pengangkutan.

4.13. Had berat dengan muatan (BDM) kenderaan yang akan dilesenkan adalah tertakluk kepada Perintah Sekatan Berat (Jalan Persekutuan) 1989 [*P.U.(A) 478/1989*], walau bagaimanapun permohonan untuk membawa muatan melebihi Perintah Sekatan Berat atau muatan melebihi had BDM asal boleh dipertimbangkan secara bersyarat tertakluk kepada perkara-perkara berikut :

- (a) Mengemukakan surat sokongan teknikal daripada JPJ dengan menyatakan kenderaan berkenaan secara teknikal layak membawa muatan melebihi had asal; dan
- (b) Mengemukakan surat kelulusan daripada JKR berkaitan kesesuaian laluan dan daya tampung struktur jalan atau jejambat yang dilalui oleh kenderaan berkenaan dengan tempoh kelulusan yang dibenarkan.

4.14. Bebas daripada kebankrapan / penggulungan.

4.15. Pemasangan *Global Positioning System* (GPS) bagi setiap kenderaan barangan berdasarkan kriteria 3 bintang program Trackscore MIROS dan ketetapan LPKP Sarawak iaitu:

- (a) Syarikat pembekal GPS perlu menyimpan data selama satu (1) tahun, dan semua data hendaklah disalinkan secara pendua (*mirrored*) ke pelayan (*server*) yang akan ditetapkan oleh LPKP Sarawak;
- (b) Syarikat pembekal GPS yang digunakan oleh pemegang lesen hendaklah mempunyai pusat sokongan teknikal yang beroperasi di Sarawak;
- (c) Syarikat pembekal GPS yang dilantik oleh pemegang lesen perlu membuka *Application Programming Interface* (API) bagi tujuan integrasi dengan Platform Berpusat yang akan disediakan oleh LPKP Sarawak (jika ada) pada masa hadapan. Caj platform adalah ditanggung oleh pemegang lesen (sekiranya ada); dan
- (d) LPKP Sarawak hendaklah diberikan akses penuh kepada sistem GPS tersebut untuk tujuan pemantauan dan pengauditan.

4.16. Pihak Lembaga berhak untuk menetapkan syarat-syarat tambahan di dalam permohonan lesen baharu.

5. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN BAGI PERMOHONAN BAHARU ATAU TAMBAHAN LESEN PEMBAWA A

Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:

5.1. Bagi Perniagaan Pemilikan Tunggal dan Perkongsian

- (a) Salinan Lesen Perdagangan— Borang I (Ordinan Perniagaan, Profesion dan Perlesenan Perdagangan)(I.R.D No.7— Pind.1/86) masih dalam tempoh sah laku;
- (b) Salinan Sijil Pendaftaran (Ordinan Nama-Nama Perniagaan – Bab. 64) (R.22—Pind.1/86);
- (c) Salinan Dokumen Pendaftaran—Pengesahan Pendaftaran Nama Perniagaan (*Extract Copy of Registration of Business Name*)/ Cabutan Pendaftaran Nama-Nama Perniagaan;
- (d) Maklumat Korporat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi perniagaan perkongsian yang berdaftar dengan SSM; dan / atau
- (e) Salinan Kad Pengenalan Malaysia pemilik atau ahli-ahli kongsi.

5.2. Bagi Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Berhad

- (a) Salinan Lesen Perdagangan— Borang I (Ordinan Perniagaan, Profesion dan Perlesenan Perdagangan)(I.R.D No.7— Pind.1/86) masih dalam tempoh sah laku;
- (b) Maklumat Korporat SSM;
- (c) Borang 9 Akta Syarikat 1965 (Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian);
- (d) Borang 8 Akta Syarikat 1965 (Perakuan Pemerbadanan Syarikat Awam);
- (e) Perakuan Pemerbadanan Syarikat Awam / Sendirian Akta Syarikat 2016; dan / atau
- (f) Salinan Kad Pengenalan Malaysia Pemegang Saham.

5.3. Bagi Pertubuhan

- (a) Salinan Sijil Pendaftaran (Seksyen 7, Akta Pertubuhan 1966); atau
- (b) Salinan Perakuan Pendaftaran (Seksyen 7 Ordinan Koperasi Sarawak Bab 66 Tahun 1949);
- (c) Salinan Lesen Perdagangan— Borang I (Ordinan Perniagaan, Profesion dan Perlesenan Perdagangan)(I.R.D No.7— Pind.1/86) masih dalam tempoh sah laku; dan
- (d) Salinan Kad Pengenalan Malaysia ahli-ahli pertubuhan.

5.4. Bagi Koperasi

- (a) Salinan Perakuan Pendaftaran Koperasi (Akta Koperasi 1963); dan
- (b) Salinan Kad Pengenalan Malaysia ahli-ahli koperasi.

5.5. Bagi Badan-Badan Berkanun

- (a) Akta atau Ordinan penubuhan syarikat; atau
- (b) Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri.

5.6. Salinan kontrak perkhidmatan atau Surat Perakuan Tawaran perlu jelas menyatakan tempoh sah laku (tempoh mula dan tamat kontrak), barangan dibawa dan kawasan operasi serta perlu disetemkan.

5.7. Salinan Lesen Perdagangan— Borang I (Ordinan Perniagaan, Profesion dan Perlesenan Perdagangan)(I.R.D No.7— Pind.1/86) yang masih dalam tempoh sah laku atau dokumen sokongan yang berkaitan daripada pihak yang mempunyai perjanjian dengan pemohon.

5.8. Pengesahan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk tempat letak kenderaan (depoh) tidak melebihi 6 bulan dari tarikh mesyuarat lembaga.

5.9. Pengesahan bebas saman daripada pihak JPJ dan PDRM tidak melebihi 3 bulan dari tarikh mesyuarat lembaga.

- 5.10. Keputusan carian status kebangkrapan / penggulangan daripada Jabatan Insolvensi Malaysia yang tidak melebihi 3 bulan dari tarikh mesyuarat lembaga.
- 5.11. Satu (1) bulan penyata kewangan terkini (perlu disahkan oleh pihak bank dan tidak melebihi 3 bulan dari tarikh mesyuarat lembaga) atau Sijil Pemilikan Kenderaan (VOC) atas nama syarikat yang memenuhi syarat untuk dilesenkan.

6. KETETAPAN DAN SYARAT-SYARAT PENGELUARAN LESEN

- 6.1. Permohonan pengeluaran lesen dikemukakan sebelum tamat akhir sah laku Surat Tawaran Kelulusan (STK). Dokumen yang perlu disertakan untuk permohonan pengeluaran lesen adalah seperti berikut :
- (a) Laporan PG11A ;
 - (b) Surat Tawaran Kelulusan (STK);
 - (c) Laporan pemeriksaan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM);
 - (d) Pengesahan kefungsiian dan laporan *Speed Limitation Device* (SLD);
 - (e) Surat pengesahan pemasangan GPS mengikut ketetapan LPKP Sarawak seperti di Perkara 4.15.;
 - (f) *Certificate of Excellence* Program Trackscore MIROS dan akses kepada sistem GPS; dan
 - (g) Sijil pendaftaran kenderaan terkini.

7. KETETAPAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN MEMPERBAHARUI LESEN PEMBAWA A

7.1. Permohonan memperbaharui lesen dikemukakan sebelum tamat akhir sah laku lesen. Pemegang Lesen dibenar untuk mengemukakan permohonan memperbaharui seawal 1 tahun sebelum atau selewat-lewatnya pada tarikh akhir tempoh lesen.

7.1.1. Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:

- (a) Lesen perdagangan dalam bidang pengangkutan, logistik, gudang, *forwarding*, penghantaran kurier, dan / atau kawalan keselamatan masih dalam tempoh sah laku;
- (b) VOC terkini;
- (c) LKM masih dalam tempoh sah laku;
- (d) Laporan pemeriksaan di PPKM yang dilantik oleh Kerajaan dan masih dalam tempoh sah laku;
- (e) Pengesahan kefungsian dan laporan SLD;
- (f) Surat pengesahan pemasangan GPS mengikut ketetapan LPKP Sarawak seperti di Perkara 4.15.
- (g) *Certificate of Excellence* Program Trackscore MIROS dan akses kepada sistem GPS;
- (h) Penyata kewangan teraudit sekurang-kurangnya bagi tahun semasa atau tahun sebelumnya; dan
- (i) Laporan prestasi tahun sebelumnya.

7.2. Tempoh kelulusan memperbaharui lesen adalah selama 5 tahun maksimum.

7.3. Tempoh kelulusan memperbaharui lesen adalah selama 3 tahun bagi lesen pembawa yang mempunyai rekod berdenda.

7.4. Tempoh kelulusan memperbaharui lesen adalah selama 1 tahun bagi LKM telah tamat tempoh, dengan syarat laporan pemeriksaan di PPKM masih dalam tempoh sah laku.

- 7.5. Pengecualian 51% pemilikan ekuiti penduduk negeri diberikan kepada Lesen Pembawa A yang telah diluluskan sebelum tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

8. KETETAPAN DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN SEMULA LESEN PEMBAWA A

- 8.1. Permohonan semula lesen yang kurang 1 tahun dari tarikh akhir tempoh memperbaharui lesen.

- 8.1.1. Pemohon perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:

- (a) Lesen perdagangan perlu mempunyai bidang pengangkutan, logistik, gudang, *forwarding*, penghantaran kurier, dan / atau kawalan keselamatan masih dalam tempoh sah laku;
- (b) VOC terkini;
- (c) Laporan pemeriksaan di PPKM yang dilantik oleh Kerajaan dan masih dalam tempoh sah laku;
- (d) Pengesahan kefungsian dan laporan SLD;
- (e) LKM masih dalam tempoh sah laku;
- (f) Surat pengesahan pemasangan GPS mengikut ketetapan LPKP Sarawak seperti di Perkara 4.15.
- (g) *Certificate of Excellence* Program Trackscore MIROS dan akses kepada sistem GPS;
- (h) Penyata kewangan teraudit sekurang-kurangnya bagi tahun semasa atau tahun sebelumnya; dan
- (i) Laporan prestasi tahun sebelumnya.

- 8.2. Permohonan Semula Lesen melebihi 1 tahun dari tarikh akhir tempoh memperbaharui lesen.
 - 8.2.1. Permohonan ini mengikut ketetapan dan syarat-syarat permohonan baharu Lesen Pembawa A; dan
 - 8.2.2. Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen yang diperlukan seperti di Perkara 5 (kecuali bagi perkara 5.11) dan dokumen tambahan iaitu penyata kewangan teraudit sekurang-kurangnya bagi tahun semasa atau tahun sebelumnya serta laporan prestasi tahun sebelumnya.
- 8.3. Kelulusan permohonan semula lesen dikenakan denda mengikut kadar yang diluluskan.
- 8.4. Tempoh kelulusan permohonan semula lesen adalah selama 3 tahun maksimum.
- 8.5. Tempoh kelulusan permohonan semula lesen adalah selama 1 tahun bagi LKM telah tamat tempoh, dengan syarat laporan pemeriksaan di PPKM masih dalam tempoh sah laku.
- 8.6. Pengecualian 51% pemilikan ekuiti penduduk negeri diberikan kepada Lesen Pembawa A yang telah diluluskan sebelum tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

9. LESEN PERUBAHAN SEMENTARA (LPS)

9.1. Permohonan dan tempoh kelulusan diberi 1 bulan untuk membawa arang batu dan 6 bulan untuk membawa kayu balak dengan mengemukakan dokumen berikut:

- (a) Surat penjelasan mengenai keperluan permohonan laluan sementara;
- (b) Kontrak perkhidmatan atau Surat Perakuan Tawaran perlu jelas menyatakan tempoh sah laku (tempoh mula dan tamat kontrak), barangan dibawa dan kawasan operasi sementara serta perlu disetemkan;
- (c) VOC atas nama syarikat;
- (d) Lesen Pembawa A yang masih dalam tempoh sah laku;
- (e) LKM masih dalam tempoh sah laku;
- (f) Laporan pemeriksaan di PPKM yang dilantik oleh Kerajaan dan masih dalam tempoh sah laku;
- (g) Pengesahan kefungisian dan laporan SLD;
- (h) Pengesahan PBT untuk tempat letak kenderaan (depoh) tidak melebihi 6 bulan dari tarikh mesyuarat lembaga; dan
- (i) Surat kelulusan daripada Jabatan Perhutanan untuk membawa kayu balak.

10. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 November 2025. Dengan berkuat kuasanya pekeling ini, **ia membatalkan Pekeliling LPKP Sarawak yang berkaitan dengan Lesen Pembawa A sebelum ini dan terdahulu.**

11. PENUTUP

Pekeliling ini terpakai kepada semua pemegang Lesen Pembawa A yang berlesen dengan LPKP Sarawak.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(CORNELIA WONG CHUI)

Setiausaha,

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak.

Tarikh : **31 Oktober 2025**

s.k. Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan Malaysia
Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan Sarawak
Pesuruhjaya Polis Sarawak
Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sarawak
Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM)